

Mahathir pertikaikan

Razaleigh

17 FEB 1988

Soal Seksyen 70 di bawah Akta Pertubuhan 1966

KUALA LUMPUR 16 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempertikaikan keikhlasan Tengku Razaleigh Hamzah mempersoalkan kenapa beliau tidak menggunakan satu peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 sendiri untuk menyelamatkan UMNO sebelum ia dibawa ke mahkamah. "Mereka tentu sedar peruntukan itu ada dan sepatutnya mereka beritahu kita mereka rela supaya Seksyen 70 itu digunakan oleh kita dan dengan itu kes mereka akan gagal," kata Perdana Menteri. Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika diminta mengulas tuduhan bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu yang disiarkan dalam akhbar - akhbar hari ini bahawa beliau tidak berusaha menjaga kepentingan UMNO dengan tidak menggunakan Seksyen 70 akta itu sedangkan beliau mempunyai hak berbuat demikian. Mengikut Seksyen 70 akta itu, menteri boleh, menurut budi bicaranyā dengan bertulis mengecualikan mana - mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah akta ini daripada segala atau mana - mana jua daripada akta ini. "Anehnya, pihak yang mengingatkan kita sekarang tak ingatkan kita sebelum

keputusan mahkamah dibuat," katanya. Sebelas anggota UMNO telah mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi supaya mengisytiharkan Perhimpunan Agung UMNO 24 April lepas batal dan tidak sah dan memohon perintah mahkamah supaya perhimpunan agung dan pemilihan diadakan semula. Ketika menolak tuntutan ini, mahkamah membuat keputusan bahawa UMNO tidak sah mengikut peruntukan Akta Pertubuhan. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sepatutnya jika mereka takut UMNO ini akan diharamkan, mereka patut pada ketika itu menarik balik dan tidak membawa kes ini ke mahkamah kerana pergi ke mahkamah, macam - macam perkara boleh berlaku. "Setelah mereka diberitahu oleh peguam, kalau mereka tekan bahawa 30 cawangan tidak sah, mungkin UMNO diharam tetapi mereka tidak menarik kes itu. Dengan itu tahulah kesannya. "Ini menunjukkan bahawa mereka sebenarnya tidak mengambil berat tentang kemungkinan UMNO diharamkan. Sekarang mereka cuba salahkan pihak lain. Yang kita tahu kalau kes itu tidak dibawa ke mahkamah UMNO tidak akan diharamkan. Sepatutnya semua masalah UMNO diselesaikan oleh Majlis Tertinggi. "Jadi tak taulah apa lagi yang hendak dilemparkan oleh mereka yang tidak mahu menerima keputusan pemilihan agung 24 April," kata beliau.

Ditanya pula mengenai dakwaan Tengku Razaleigh yang meragui kesetiaan ahli - ahli Parlimen yang melafazkan ikrar setia kepada Perdana Menteri di Parlimen kelmarin, beliau berkata: "Orang itu juga adalah di belakang orang sebelas ini yang telah menyebabkan UMNO jadi haram. Jadi dia datang ikrar selepas itu pergi buat parti lain." Beliau menegaskan sepatutnya jika sesebuah parti itu terubur secara tidak sengaja patutlah pemimpinnya yang sedia ada mengambil langkah mengatasi masalah. "Kalau dia sengaja bubar parti bolehlah orang lain pergi, ini secara tidak sengaja parti bubar. "Kalau orang lain ada minat, tanyalah dulu apa yang kita sedang buat, kita senyap bukan makna tak buat kerja," ujarnya.

Keikhlasan